

Jika tiada yang mahu akui
kesalahan diri sendiri

USAHA BENTUK KESEDARAN SIVIK AKAN GAGAL — PM

KUALA LUMPUR 4 April — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahatir Mohamad berkata, usaha membentuk kesedaran sivik di kalangan masyarakat akan gagal sekiranya tidak ada orang yang mahu mengakui kesalahan diri sendiri.

"Jika kita suka menunjuk jari kepada orang lain dan mendesak mereka membetulkan diri mereka, maka usaha kita akan gagal kerana mereka yang kita tunjuk itu menunjuk pula kepada orang lain atau kepada diri kita sebagai pihak yang salah yang mesti membetulkan dirinya dahulu," katanya.

Beliau berkata, sekiranya semua pihak menunjuk kepada orang lain dan tidak seorangpun yang mengaku dirinya salah, maka tiada siapapun yang akan membetulkan dirinya dan sudah tentulah usaha membentuk kesedaran sivik akan gagal.

"Adalah penting bagi kita memperkenalkan makna dan maksud kesedaran sivik dan sebab-sebab mengapa kesedaran ini penting bagi mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dan bahagia," katanya.

Perdana Menteri berucap melancarkan 'Hari Kesedaran Sivik Kebangsaan' di pekarangan Kompleks Angkasapuri di sini pagi ini. Hari kesedaran itu bertemakan

'Kesedaran Sivik Bermula Di Rumah'.

Beliau menyifatkan Hari Kesedaran Sivik sebagai salah satu langkah bagi meningkatkan kesedaran itu di samping beberapa langkah lain yang akan menyusul kemudian supaya kesedaran sivik menjadi sebahagian dari peribadi rakyat Malaysia.

Katanya, kesedaran sivik bermakna perasaan bertanggungjawab bukan saja terhadap harta sendiri tetapi terhadap harta orang ramai dan konsep ini menjadi penting kerana dalam masyarakat moden, harta orang ramai meningkat serta perlu dihargai oleh rakyat.

"Dalam memelihara harta orang ramai, kita sebenarnya memelihara kepentingan kita walaupun harta itu tidak berguna secara langsung tetapi kerosakannya akan menambah beban kita kerana kerajaan terpaksa membaiki atau menggantikan harta menggunakan wang rakyat yang secara langsung atau tidak dikutip dari kita," katanya.

Beliau berkata, mungkin ada yang berpendapat wang untuk memperbaiki atau mengganti harta itu sedikit tetapi jika dijumlah kerosakan seluruh negara kerana kurangnya perasaan sivik, nilai harta yang rosak itu boleh meningkat kepada puluhan juta ringgit setahun.

Katanya, kerosakan akan menambah beban semua pihak dan mengganggu masyarakat serta keselamatan dan keindahan negara akan terjejas.

Perdana Menteri mengingatkan, masyarakat yang mempunyai kesedaran sivik akan hidup mulia dan bahagia, segala urusan kehidupan berjalan licin dan mudah tanpa membazirkan masa dan wang.

Menurut Perdana Menteri lagi, kesedaran sivik tidak boleh diajar dalam bilik darjah, ia mesti diajar sepanjang masa dan ini bermakna ibu bapa dan guru-guru terpaksa mengawasi gerak-geri kanak-kanak di bawah jagaan mereka.

"Kita memerlukan penglibatan ibu bapa dan guru-guru secara besar-besaran kerana kita sedar bahawa jika sesuatu tabiat yang baik telah dipupuk semasa kecil, ia bukan saja lebih mudah diamalkan tetapi akan lebih kekal," katanya.

Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Penerangan Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Pelajaran, Encik Anwar Ibrahim, Menteri Buruh, Datuk Lee Kim Sai, serta beberapa orang menteri dan timbalan menteri yang lain.

Menteri Besar Perlis, Datuk Dr. Abdul Hamid Pawan Teh dan Menteri Besar Selangor Darul Ehsan, Datuk Haji Muhammad Haji Mohd. Taib turut hadir.